



مجلس قروندريشن كاسفونغ سونغاي ترابن
**MAJLIS PERUNDINGAN KAMPUNG
SUNGAI TERABAN**



JABATAN DAERAH BELAIT
KUALA BELAIT KA1131
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam

Website :
www.daerah-belait.gov.bn

Tarikh : 13hb Mei 2026M
Bersamaan : 25hb Zulkaedah 1447H

Rujukan : **334**/SU/MPK/KG/SGT/2026



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

MINIT MUZAKARAH PERJUMPAAN AJK MPK BERSAMA PENDUDUK
KAMPUNG SUNGAI TERABAN KALI KE : VI/2026

JUMAAT-MEI/08th 2026/2:30 PETANG

Balai Raya, Kampung Sungai Teraban

Dihadiri oleh:

Rujuk senarai nama-nama yang hadir (dikembarkan).

Agenda Mesyuarat:

(Agenda mengikut peraturan Lembaga Pengelola Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (2006) Buku Hijau.

- 1 : Membaca Surah Al-Fatihah
- 2 : Ucapan Pengerusi (Pmk. Ketua Kampung)
- 3 : Meneliti dan mengesahkan minit mesyuarat yang lalu
- 4 : Perkara-perkara yang berbangkit
- 5 : Membentangkan laporan kegiatan (Setiausaha)
- 6 : Membentangkan dan mengesahkan penyata kewangan (Bendahari)
- 7 : Membahaskan usul dan cadangan
- 8 : Hal-hal lain

Bil	Agenda	tindakan
1	Membaca Surah Al-Fatihah Telah dipimpin oleh awang Hj Azmi bin Hj Julaihi dan diikuti oleh semua penduduk kampung yang hadir.	
2	Ucapan Pengerusi (Pmk. Ketua Kampung) 2:1 Pmk. Ketua Kampong Sungai Teraban selaku Pengerusi MPK Awang Zaini bin Hj Kaderi tidak lupa mengucapkan berbilang-banyak terima kasih khusus kepada AJK MPK, perjumpaan hari itu adalah khusus untuk membangkitkan usulan perkara yang berbangkit sebelumnya terima kasih diatas kehadiran penduduk kampung dengan adanya permuzakarah ini dapat merapatkan tali silaturahim diantara penduduk kampung terutamanya AJK MPK supaya akan dapat lagi memantapkan dan memperkukuhkan pentadbiran bagi keselamatan,memajukan, keharmonian perpaduan anak buah kampung.	Makluman
3	Meneliti dan mengesahkan minit mesyuarat yang lalu. 3:1 Awg Ramli bin Hj Chi (Setiausaha MPK) Membacakan secara ringkas minit muzakarah kali ke: 05/2025 yang telah diadakan pada: 16/5/2025, manakala minit tersebut juga boleh dilihat melalui skrin projektor yang ada dipaparkan, agenda muzakarah berpandu kan dengan agenda yang telah ditetapkan oleh buku hijau iaitu Peraturan Lembaga Pengelola Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (2006) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Satelah membaca secara ringkas satu persatunya minit dicadangkan bagi pengesahannya oleh awg Kadir bin Hj Bujang manakala minit disahkan oleh awg Hj Husaini bin Hj Julaihi	Makluman
4	Perkara-perkara yang berbangkit (rujukan minit mesyuarat yang lepas) diantaranya ialah: 4:2 Awg Rosesidi bin Japar menambah ada satu saluran air menyusur keluar kesungai bersebelahan rumahnya supaya dibersihkan dan meminta pengerusi menghubungi pemilik tanah disabelah belakangnya untuk kebenaran jentera berat (Kato) berjalan membuat kerja-kerja pembersihan. Jawapan: Pengerusi menjawab mengenai dengan outlet longkang bersebelahan tanah awg Rosesidi bin Japar sudah disuarakan oleh Pengerusi dengan JKR di perjumpaan mesyuarat perkara itu akan disusul balik ke JKR dan akan memaklumkan kepada Penghulu Mukim Belait supaya diadakan sessi berdialog bersama penduduk kampung dengan mana-mana jabatan kerajaan yang berkaitan.	Pengerusi Pengerusi Setiausaha

4:3 Hj Yunus bin Hj Husaini (Timbalan Setiausaha MPK) Beliau merujuk dalam Bab 7:2:2 yangmana keadaan tepi jalan raya di Jalan Sungai Teraban Rasau banyak yang rosak tanah susur/jalan yang pecah dan sudah terturun ke longkang memohon diperbaiki kerosakannya, termasuk agar dipebesarkan simpang masuk ke Jalan Sungai Teraban Rasau supaya memudahkan kenderaan besar seperti trak panjang dapat masuk dengan mudahnya. Jawapan: Setiausaha memaklumkan surat menyurat sudah dibuat ke Jabatan Daerah Belait, mereka ada memanjangkan isu tersebut ke JKR manakala pihak JKR belum ada tindakan mengenainya. 4:4 Hj Ghani bin Umar Merujuk minit tambahan supaya jalan selepas jambatan baru hingga jalan kerumah Hj Mudjono diturap aspal, sudah sekian lama di pohonkan tapi belum dilaksanakan oleh pihak yang berkenaan. Jawapan: Pengerusi menjawab borang aduan sudah dibuat disusuli dengan melalui surat termasuk jalan Sungai Teraban Timor, belum ada tindakan di buat dan akan disusuli balik. 7:1. Dyg Duriah Nazahiah bte Martilu (anak menantu awg Morsidi bin Suntai) me mohon agar jalan akses keluar masuk dari rumah mertuanya dirintis, dibersihkan, kerana jalan yang digunakan sekarang didalam kawasan tapak rumah orang. Jawapan: Pengerusi memaklumkan sudah dibuat surat ke JKR dan Jabatan Daerah disertakan juga peta kasar laluan yang dimaksudkan bersama kedudukan peta Jabatan Tanah, walau bagaimanapun belum ada tindakan dibuat. 7:7 Hj Abdul Ghani bin Umar 7:7:2 Jalan berdekatan selekoh klinik lama terdapat saluran air parit yang sentiasa bertakong dan juga batang-batang kayu yang tidak dibersihkan. Jawapan: Pengerusi memaklumkan surat sudah di buat ke Jabatan Daerah manakala pernah juga dikorek longkangnya supaya air berjalan dengan lancar. 7:8 Hj Yunus bin Hj Husaini (Tim Setiausaha MPK) 7:8:1 Mencadangkan agar di adakan satu majlis doa selamat sakiranya ada di kalangan penduduk kampung yang menunaikan fardhu Haji. Jawapan: Perkara tersebut diambil maklum. 7:8:2 Beliau mencadangkan juga supaya MPK membuat majlis Sambutan Hari Keluarga untuk orang kampung bagi kitani sama-sama bermesra, mengenali dan mengiratkan tali silaturahim	Pengerusi Setiausaha Pengerusi Setiausaha Makluman Makluman Pengerusi Setiausaha Makluman Pengerusi Setiausaha
--	---

	diantara satu sama lain. Jawapan: Setiausaha memaklumkan cadangan pertama diambil maklum manakala cadangan kedua MPK tidak ada membuat Hari Keluarga sebaliknya mengantikan dengan membuat aktiviti Sambutan Hari Raya pada tahun lepas dan tahun ini. 7:9 Awg Shyful bin Ramli Memberikan cadangan supaya bangunan pondok riadah di belakang Balai Raya diperbaiki segala kerosakannya. Jawapan: Setiausaha MPK, akan diusai menunggu awg Salim mengira bajet kayu dan Pengeusi juga memohon seangkat hati derma daripada orang kampung bangunan tersebut akan dibuat sebelah darat bukan di tepi sungai bagi mengelak terkena air sungai lebeh lagi di musim tenkujoh, ada pun pernah kebakaran perkara tersebut terjadi terlepas dari pemantauan.	Makluman Pengerusi Setiausaha Makluman Pengerusi Setiausaha
5	<i>Membentangkan laporan kegiatan (Setiausaha)</i> 5:1 Setiausaha memaklumkan kepada penduduk yang hadir mengenai laporan kegiatan MPK sepanjang tahun 2025 laporan berbentuk satu (1) set dokumen ada disediakan di atas meja dari muka surat 1 hingga 13 dan Setiausaha memaklumkan sakiranya penduduk kampung ingin untuk mendapatkannya bolehlah merujuk dan meminta kepada Setiausaha untuk di photo copy..	Makluman
6	<i>Membentangkan dan mengesahkan penyata kewangan (Bendahari)</i> 6:1 Bendahari MPK-KST Hj Matazam bin Hj Kaderi Menerangkan melalui skrin projektor satu persatu akan proses pengendalian sumbar kewangan wang terkini masok dan keluar melalui Bank MPK di BIBD Kuala Belait iaitu bagi: 6:1:1 Aliran masok tunai dari tahun 2025 (dibawa ke) 6:1:2 Aliran kewangan bagi suku tahun pertama 2026 6:1:3 dan baki kewangan terkini hingga 08hb Mei 2026 Sehubungan itu Bendahari bertanyakan kepada penduduk kampung yang hadir sakiranya ada pertanyaan mengenai isu kewangan, tidak ada pertanyaan diajukan oleh penduduk yang hadir.	Makluman
7	<i>Membahaskan usul dan cadangan</i> 7:1 Hj Abd Rahman bin Mat	

7:1:1 Jalan raya banyak rosak, selalu banjir depan rumah Bryan ada ternampak buaya memberhentikan penduduk kampung, dicadangkan pihak JKR meninggikan jalan raya yang dimaksudkan mengelak daripada banjir, termasuk longkang-longkang yangmana Jurutera JKR tahu bagaimana mengatasi masalah tersebut. Jawapan: Pengerusi sudah memohon balik-balik tapi belum ada respon mengenainya.	Makluman
7:1:2 Jambatan Rasau yang selalu dilalui takut-takut perkara yang tidak baik berlaku mungkin ianya roboh sudah sekian lama digunakan kitani tidak tahu quality struktur aspek jambatan tersebut adakah ianya selamat digunakan atau sebaliknya oleh masyarakat yang menggunakan. Jawapan: Pengerusi sudah pernah bermesyuarat pada tahun lepas bersama JKR dan Brunei Shell yangmana mereka akan menggunakan laluan jambatan yang dimaksudkan untuk membawa jentera berat dari negara jiran, jambatan sudah berusia lebih 20 tahun digunakan, mereka sudah membuat kajian dan pemeriksaan bahawa jambatan yang dimaksudkan masih selamat digunakan.	Makluman
7:1:3 Keadaan rumput-rumput panjang di persekitaran kampung beliau mencadangkan hendaklah selalu dipotong dan dibersihkan. Jawapan: Pengerusi mengambil maklum dan akan disuarakan kepada pihak-pihak yang berkenaan.	Pengerusi
7:1:4 Keadaan jalan rayak Rasau pada masa sekarang yang amat terok berbatu-batu jalan yang amat rosak agar dipercepatkan. Jawapan: Pengerusi memaklumkan sakiranya sudah ditimbok batu makanya akan di aspal didalam masa dua ke tiga bulan mendatang lagi, beliau sendiri sudah berjumpa dengan penyeliannya.	Makluman
7:1:5 Memohon sebuah padang permainan bola dan dewan serba guna, banyak menafaatnya saperti digunakan untok bermain bola/Hoki dan sebagainya dewan bagi permainan Badminton / Sepak Takraw/Futsal/kegunaan majlis perkahwinan/majlis sambutan Hari Raya/kedai 1P1K dan sebagainya.	Makluman
7:1:6 Mengenai Koperasi KKST beliau memohon agar penduduk kampung membeli minyak kereta di stesen tersebut. Stesen tersebut adalah kepunyaan semua ahli saham bukannya kepunyaan individu Jawapan: Pengerusi memaklumkan dewan serbaguna pernah dipohonkan sejak dulu lagi tapi jawapannya tidak disokong memandangkan Balai Raya sudah mencukupi untok anak buah kampung membuat perjumpaan dengaanya hanya lebih kurang 900	Makluman

orang penduduk kampung, Pengerusi juga menambah mengenai tanah Perkuburan Islam yang pernah dipohonkan hanya menunggu dari pihak Brunei Shell sahaja lagi. 7:1:7 Hj Abd Rahman bin Mat juga menyentuh mengenai masalah perekonomian beliau mencadangkan agar penduduk kampung mengambil peluang kesempatan untuk berjual di sepanjang jalan ke Pos Kawalan Sungai Tujuh semasa q panjang. Jawapan: Pengerusi memaklumkan bahawa setiap hasil daripada penduduk kampung masa ini diserahkan penjualannya kepada Syarikat Jaya NHSD kepunyaan tuan Hj Daud di Sungai Satu, beliau akan menjualkan dan menerima barang jualan dan terus membayar tunai kepada penjual.	Makluman
7:2 Pg Hj Yunus bin Pg Hj Tajuddin 7:2:1 Beliau bertanyakan keadaan jambatan rasau yang tidak ada lampu amat memberhayakan kepada orang ramai yang melaluinya lebeh lagi waktu malam ketika hujan perlu dipasang emergency light atau lampu solar dan pernah ada kecelakaan diatas jambatan tersebut pada awal pagi. Jawapan: Pengerusi menerangkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Elektrik masih menunggu budget peruntukan beliau pernah bersuara membuat aduan sahingga lima kali lain talian 123 mengeninya, Penghulu juga sudah maklum mengenainya.	Makluman
Sehubungan dengan itu juga Hj Abd Rahman bin Mat mencadangkan MPK membuat perjumpaan berdialog bersama mana-mana pihak jabatan kerajaan yang berkaitan.	Pengerusi Setiausaha
7:2:2 Pg Hj Yunus bin Pg Hj Tajuddin Masalah anjing liar berkeliaran di Kampong Sungai Teraban beliau sudah membuat aduan dan meminta pandangan kepada yang hadir. Jawapan: Pengerusi menjawab perkara tersebut sudah lama di hadapi hingga kepengetahuan Pegawai Daerah tapi masalahnya binatang tersebut dibawah perlindungan Animal Lover.	Makluman
7:3 Awg S. PRASENAN 7:3:1 Memohon dipasang hump, papan tanda speed limit bagi mengelakan kelajuan dan lampu-lampu jalan dilaluan yang dimaksudkan disekitar sungai dua, kebanyakan kenderaan yang melalui jalan tersebut laju-laju nenberhayakan untuk penduduk kampong yang tinggal disana. Jawapan: Mengenai hump ada syarat-syaratnya JKR membolehkan pemasangan hump, lampu-lampu jalan sudah ada dipohonkan cuma ada sebahagian saja lagi yang belum dipohonkan	Pengerusi

8	7:3:2 Beliau mengadu mengenai sampah-sampah dibuang merata-rata didalam longkang dan ditepi-tepi sepanjang jalan. Jawapan: Pengerusi menjawab isu-isu tersebut adalah atas perangai seseorang yang tidak ada disiplin diri sendiri, beliau menambah tempat pembuangan sampah akan dipindahkan dibelakang kelinik lama dan mesti dipasang lampu, jalan diaspal bagi mengelakan dari pandangan masyarakat yang mejijikan. Lain -lain hal	Setiausaha
	8:1 Pengerusi memaklumkan bahawa keramaian penduduk di Kampong Sungai Teraban lebeh kurang seramai 900 orang manakala yang masok berpindah ke kampung tidak ada yang melapor diri kepada beliau.	Makluman
	8:2 Setiausaha menambah Isu pembuangan sampah merata-rata dimana sahaja ditempat awam boleh diambil tindakan dengan cara mengambil gambar, lesen pendaftaran kereta dan orangnya sekali sebagai bukti hantar ke bahagian Unit Penguatkuasaan Jabatan Daerah Belait untok diambil tindakan dengan dikenakan denda.	Makluman

Muzakarah berakhir kira-kira jam 4:19 petang dan diselajurkan dengan membaca surah Al Asr yang di pimpin oleh Pengerusi dan saterusnya menikmati jamuan yang ada.

Minit dicatat oleh

Disahkan oleh

Ramli Bin Hj Chi

Setiausaha, AJK MPK 2026

Pengerusi, AJK MPK 2026

14hb Mei 2026

Zaini Bin Hj Kaderi

Salinan : Pmk.Pegawai Daerah Belait
: Institusi Mukim dan Kampung Daerah Belait
: Penghulu Mukim Belait
: AJK MPK

Rhe Mei-2026 

